

# Perpecahan ummah; ajaran dan fatwa palsu yang menyesatkan Raja-raja Melayu buat apa?

MINGGUAN MALAYSIA AHAD 19 MAC, 2000

Oleh RAHMAT MOHD. ALI

**D**I MANA-MANA juga di negara Islam terdapat perpecahan dan permusuhan di kalangan penduduk yang beragama Islam. Kerap kali permusuhan ini begitu kuat sehingga mereka sanggup membunuh sesama sendiri. Oleh kerana ini, negara-negara Islam semuanya lemah, miskin dan mundur dalam semua bidang.

Malaysia juga tidak selamat daripada permusuhan sesama Islam. Sebelum Pas ditubuhkan, orang Islam bersatu. Pada zaman British dan Jepun mereka tidak mempunyai pendapat tentang ajaran Islam yang begitu berbeza sehingga mereka berpecah. Mereka semua adalah daripada orang Islam Sunni yang berpegang kepada ajaran Imam Shafie. Jika ada pun perbezaan tafsiran, umpamanya di antara 'Kaum Muda' dengan majoriti pengikut Imam Shafie, ini tidaklah sehingga mencetuskan permusuhan.

Tetapi hari ini bukan sahaja permusuhan berlaku di antara orang Pas dengan orang Islam lain, permusuhan ini jelas disebabkan oleh perbezaan kepercayaan berkenaan agama Islam di antara mereka. Orang Pas mendakwa bahawa orang UMNO kafir dan mereka akan dimasukkan ke dalam neraka apabila mati.

Kerana menganggap orang UMNO kafir, orang Pas tidak menerima imam daripada orang UMNO dan mereka, di tempat-tempat tertentu, bersembahyang jemaah berasingan dengan diimamkan oleh imam orang mereka sendiri. Mereka mendakwa perkahwinan yang diijabkabulkan oleh kadi UMNO (Kerajaan) adalah tidak sah dan perkahwinan orang Pas mestilah disempurnakan oleh orang Pas sendiri.

## Masjid disamak

Demikianlah penolakan segala ibadat pimpinan orang UMNO sehingga ada yang sudah berkahwin, berumah tangga dan beranak-pinak, dinikahkan sekali lagi.

Dan hari ini setelah Pas mendirikan Kerajaan di Terengganu masjid Kerajaan UMNO dahulu dibasuh dan disamak seolah-olah terdapat najis di situ kerana masjid berkenaan didiri atau digunakan oleh orang UMNO.

Sebabnya orang UMNO dikatakan kafir ialah kerana UMNO bekerjasama dengan orang Cina MCA yang tidak beragama Islam. Sekarang Pas bekerjasama dengan orang Cina DAP yang menolak bulat-bulat rancangan Pas untuk mendirikan negara Islam di Malaysia. Namun Pas tidak menganggap mereka sudah menjadi kafir kerana mereka mengadakan kerjasama dan pakatan politik yang rapat dengan orang bukan Islam daripada DAP. Tetapi mereka terus juga mendakwa bahawa orang Melayu daripada UMNO adalah kafir dan akan masuk neraka apabila mati.

Dakwaan ini tidak mengapa jika ia hanya kerana politik. Tetapi sekarang ini ramai daripada orang Melayu, termasuk orang yang sudah tua di antara ahli UMNO atau yang tidak menjadi ahli atau penyokong Pas, yang benar-benar percaya bahawa tidak menyokong Pas, tidak pangkah Pas semasa mengundi akan menjadikan mereka kafir dan mereka akan masuk neraka.

Kepercayaan ini amat bertentangan dengan ajaran Islam yang jelas memperakukan bahawa orang yang mengucap dua kalimah syahadat adalah Islam. Tidak ada tambahan bahawa hanya jika masuk Pas, menyokong Pas atau mengundi Pas barulah seseorang itu menjadi Islam. Kepercayaan kepada syarat-syarat tambahan ini sebenarnya meniadakan keislaman.

## Apakah tanggungjawab Raja-raja terhadap agama Islam terhadap kepada menentukan sama ada anak bulan kelihatan pada bulan Ramadan dan Syawal?

man seseorang orang Islam. Akidah orang Islam Pas sudah tercemar dan boleh menjadikan mereka tidak Islam.

Banyak lagi tafsiran agama Islam yang dikembangkan oleh pemimpin Parti Pas yang bertentangan dengan ajaran Islam, yang merosakkan akidah orang Melayu Islam di Malaysia.

Islam dan pentadbiran agama Islam di negara ini diletak di bawah kuasa Raja-raja. Sepatutnya Raja-raja mengambil berat tentang sebarang ajaran yang lari daripada ajaran Islam yang sebenar, yang menyebabkan orang Islam menerima ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam, sehingga mereka menjadi sesat bahkan tidak Islam.

Sepatutnya juga Raja-raja bertindak mencegah perpecahan dan permusuhan antara orang Islam kerana berlainan fahaman tentang agama Islam. Tetapi nampaknya Raja-raja Melayu yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal agama Islam bersikap berkecuali. Walaupun keadaan sekarang sudah teruk dan biasa terjadi pertempuran bersenjata di antara polis dan pengikut Pas sehingga beberapa anggota polis dan ahli Pas terbunuh, Raja-raja masih tidak membuat apa-apa teguran atau mengeluarkan apa-apa fatwa.

Pas mendakwa orang-orangnya yang terbunuh dalam pertempuran di Memali mati syahid dan mengadakan berbagai-bagai acara mendewa-dewakan mereka ini. Kita tahu di Malaysia askar kita yang berperang dan terbunuh kerana mempertahankan negara Islam ini daripada jatuh ke tangan komunis yang tidak beragama, yang berhasrat mendirikan negara komunis yang anti Islam, askar kita yang menyelamatkan Islam dan orang Islam di Malaysia tidak dianggap mati syahid apabila dibunuh oleh musuh Islam.

Tetapi orang Pas yang membunuh polis yang terdiri daripada orang Islam dianggap oleh Pas sebagai mati syahid. Berkenaan perkara ini tidak ada fatwa rasmi yang dibuat oleh Majlis Raja-raja.

Memanglah Raja-raja tidak boleh campur tangan dalam soal-soal politik. Tetapi Raja-raja bertanggungjawab dalam soal-soal agama. Jika kerana ajaran yang salah permusuhan berlaku antara orang-orang Islam, bolehkah pihak yang bertanggungjawab terhadap agama Islam dan penganutnya berdiam diri?

Walaupun mengikut perlembagaan, Raja-raja bertanggungjawab terhadap agama Islam tetapi sebenarnya Raja-raja bergantung sepenuhnya kepada nasihat yang diberikan oleh pegawai agama yang tertinggi sekali dalam Kerajaan iaitu Mufti atau Ketua Penasihat Agama kepada Raja. Apa juga berkenaan dengan agama yang disuarakan oleh Raja bendaklah diasaskan kepada nasihat dan pandangan yang diberikan oleh Ketua Majlis Agama Kerajaan. Mufti pula dibantu oleh Majlis Agama Islam Negeri dan Jawatankuasa Fatwa. Mereka biasanya memberi nasihat jika diminta oleh Raja. Jika nasihat tidak diminta oleh Raja mereka biasanya berdiam diri.

Mereka juga tidak suka terlibat dengan apa-apa



kontroversi, terutama kontroversi politik. Mereka bersikap berkecuali kerana tidak ingin dikecam oleh orang politik dan dituduh menjadi orang suruhan Kerajaan.

Oleh kerana sikap ini mereka tidak bersedia menegur Pas apabila parti itu menyatakan sesuatu yang bertentangan dengan agama Islam.

Walaupun Pas menuduh orang yang tidak menyokongnya adalah kafir, dan ini bukan sahaja tidak benar malah amat bertentangan dengan ajaran Islam, mufti-mufti berdiam diri dan tidak memberi apa-apa nasihat kepada Raja-raja. Majlis-majlis Fatwa juga tidak membuat apa-apa fatwa berkenaan dengan dakwaan Pas ini.

## Tuhan mencarut

Demikian juga tidak ada sesuatu apa yang disuarakan atau dinasihatkan kepada Raja berkenaan dengan dakwaan Pas bahawa Tuhan mencarut, iaitu menggunakan bahasa yang sama dengan Shahnun Ahmad. Sebelum Shahnun mengeluarkan buku *Shit* tidak ada sesiapa yang pernah berkata Tuhan mencarut. Tetapi kerana ingin mempertahankan ahli Pas, Nik Aziz sanggup berkata Tuhan mencarut.

Banyak lagi kesalahan agama yang dibuat oleh Pas sehingga akidah penyokong Pas tidak lagi sempurna. Tetapi tidak ada apa-apa teguran daripada Raja dan mufti-mufti mereka.

Apakah tanggungjawab Raja-raja terhadap agama Islam terhadap kepada menentukan sama ada anak bulan kelihatan pada bulan Ramadan dan Syawal? Bagi orang Islam di negara ini, inilah sahaja keputusan yang mereka dengar daripada Majlis Raja-raja. Pada waktu lain senyap sepi.

Walaupun umat Islam di Malaysia berpecah, bermusuhan, melempar fitnah dan membuat bermacam tuduhan yang merosakkan iman, akidah dan kesucian agama Islam, tidak ada apa-apa usaha oleh pihak yang bertanggungjawab berkenaan agama Islam iaitu Raja-raja dan penasihat-penasihat agama mereka untuk mereda dan menyatukan semula orang Islam di

Malaysia atau memberi panduan agama kepada mereka.

Pas boleh membuat dakwaan yang terang-terang bertentangan dengan ajaran agama Islam kerana pengikut dan penyokongnya berpendapat bahawa Pas adalah parti Islam, bahkan didakwa oleh pemimpin Pas bahawa Islam adalah Pas dan Pas adalah Islam. Penerimaan dakwaan yang tidak berasas ini oleh pengikut dan penyokong Pas ialah kerana adanya perkataan Islam dalam nama parti ini.

Demikianlah penerimaan Pas sebagai parti Islam sehingga apabila dibuktikan pemimpin Pas melakukan sesuatu yang bertentangan dengan Islam dan mereka berdosa, pengikut fanatik Pas berkata bahawa dosa yang dibuat oleh pemimpin Pas adalah di antaranya dengan Tuhan. Tetapi Pas mesti disokong kerana ia adalah parti Islam atau ia adalah Islam. Pas adalah Islam kerana parti lain tidak menggunakan 'Islam' dalam nama parti mereka, tetapi Pas mempunyai nama Islam.

Oleh kerana ramai orang Melayu tidak dapat membezakan agama dengan parti politik dan menganggap parti politik yang mempunyai nama Islam adalah Islam dan sama dengan agama Islam, Raja-raja hendaklah dinasihatkan oleh penasihat agama mereka supaya Majlis Fatwa membuat keputusan dan menasihati Raja-raja untuk mengeluarkan fatwa berkenaan penggunaan perkataan 'Islam' pada nama politik.

Pada masa yang sama sebarang dakwaan dan fatwa oleh parti politik ditegah secara berkesan. Sebarang kemusykilan terhadap soal-soal agama hendaklah dibawa kepada Majlis Fatwa dan diputuskan sebagai fatwa oleh Majlis Raja-raja. Parti politik tidak boleh membuat apa-apa dakwaan berkenaan agama Islam kerana ini menyentuh hak utama Raja-raja.

Agama Islam akan terpelihara jika peruntukan perlembagaan berkenaan kuasa Raja-raja terhadap agama Islam di Malaysia dihormati dan dikuatkuasakan. Masanya sudah tiba untuk Raja-raja dan penasihat agama mereka membuktikan bahawa kuasa Raja-raja berkenaan agama Islam bukan setakat menentukan bila berpuasa dan raya, tetapi juga berkenaan dengan menyelamatkan orang Islam di Malaysia daripada ajaran dan fatwa palsu yang menyesatkan.